



ABDUL Fattah

Petaling Jaya

### ANGKASA lancar tabung kemanusiaan Rohingya

Prihatin nasib etnik Rohingya, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANKASA), semalam melancarkan Tabung Kemanusiaan Rohingya ANKASA sebagai saluran kepada anggota koperasi dinaunginya menghulurkan sumbangan.


Presiden ANKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, inisiatif untuk menggerakkan tabung derma itu selari dengan prinsip pihaknya yang prihatin kepada masyarakat.

Beliau berkata, melalui tabung kemanusiaan itu, anggota koperasi dinaungi ANKASA yang berjumlah kira-kira lapan juta orang di seluruh negara boleh menyumbang untuk sama-sama membantu etnik berkenaan.

"Dalam konteks Rohingya, kita melihat bukan masalah agama, bangsa dan politik, tetapi kemanusiaan. Kita dapati mereka perlu dibantu untuk terus hidup.

"Justeru, kita menyumbangkan RM20,000 sebagai permulaan untuk menggerakkan tabung ini. Dan saya berharap, selepas ini koperasi di seluruh negara boleh menyumbang melalui ANKASA.

"Kita beri tempoh sebulan iaitu sehingga 14 Oktober depan. Kalau RMI daripada seorang ahli, kita jangka ada sekitar RM8 juta," katanya dalam Program Kesedaran Derma Organ Sempena Sambutan Kemerdekaan, di Wisma Ungku A Aziz.




PELARIAN terdedah kepada pelbagai ancaman termasuk penyakit.

## DIKEJAR AMBANG MAUT

■ Pelarian Rohingya di sempadan perlu bantuan perubatan segera

PELARIAN Rohingya memanjat lori membawa bantuan makanan di Cox's Bazar, Bangladesh.



Yusmizal Dolah Aling  
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Selepas berdepan isu kebuluran yang kritikal, ratusan pelarian Rohingya yang cedera ketika melintasi Bangladesh berhampiran sempadan kini di ambang maut kerana memerlukan rawatan segera termasuk menjalani pembedahan.

Ketika ini, mereka diberikan bantuan ubat-ubatan asas oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

